

Pelajar Antarabangsa Pertama terima Pingat Emas Rashdan Baba

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



Sumaya Rahmatullah, 23, merupakan graduan Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar dengan Kepujian yang berasal dari Bangladesh.

Beliau merupakan pelajar antarabangsa yang telah menerima anugerah Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba.

“Perkhabaran penerimaan anugerah ini membuatkan kedua-dua ibu bapa saya rasa bangga dengan pencapaian saya serta sanggup datang ke Malaysia untuk terima anugerah itu bersama.

“Saya tidak sangka akan dapat anugerah ini tetapi saya sentiasa berusaha untuk menjadi seorang pelajar cemerlang serta aktif dalam pelbagai program.

“Sebagai pelajar antarabangsa, hidup tanpa keluarga di sisi boleh menjadi sukar, terutamanya apabila perlu menyesuaikan diri dengan budaya dan persekitaran baharu,” ujarnya



Mengenang kembali kehidupan beliau di kampus amat menyeronokkan dan penuh dengan aktiviti yang merangsang minda.

“Saya juga sangat aktif menyertai persidangan penyelidikan dan simposium yang memberi fokus kepada cabaran alam sekitar sehingga diiktiraf sebagai Pembentang Kertas Penyelidikan Terbaik,” katanya

Selain itu, Sumaya turut memenangi anugerah Ikon Putra Kepimpinan Pelajar Antarabangsa selama dua tahun berturut-turut kerana bukan sahaja aktif dari segi akademik tetapi dalam pelbagai aktiviti.

“Salah satu pencapaian saya ialah menjadi ketua sukarelawan antarabangsa untuk program “Unesco World Heritage Volunteers – Kelantan, Malaysia”.

“Saya percaya bahawa usaha keras demi mencari penyelesaian terhadap cabaran alam sekitar yang dihadapi dunia dapat menawarkan kelestarian

kepada masyarakat,” ujarnya.